

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)47

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

47. Senaraikan Ahli Lembaga Pengarah Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) dan bagaimanakah prestasinya sejak tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Nyatakan laporan kewangan beraudit PHI bagi tahun 2020 hingga 2023.
 - (b) Bagaimanakah prestasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta sambutan terhadap program-program promosi yang diadakan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

47. Senarai Ahli Lembaga Pengarah Penang Halal Sdn Bhd (PHI) adalah seperti berikut:

- i. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid – Pengerusi (30/09/2023);
- ii. YB Dato' Rashidi bin Zinol (17/11/2023);
- iii. YB Fahmi bin Zainol (17/11/2023);
- iv. YB Dato' Zabidah binti Safar (13/12/2022);

- v. YBhg. Dato' Hj. Mohd Zakuan bin Hj. Zakaria (6/10/2022);
 - vi. YBhg. Dato' Prof Dr. Noor Inayah binti Ya'akob (17/11/2023);
 - vii. YBhg. Dato' Zamri bin Yusuf (17/11/2023);
 - viii. YBhg. Datuk Mohd Ridzwan bin Bakar (14/06/2024);
 - ix. Encik Zainuddin bin Mohamed (17/11/2023);
 - x. Encik Ariffin bin Saidin (17/11/2023); dan
 - xi. Encik Abdul Razak bin Sulaiman (17/11/2023).
- (a) Laporan kewangan beraudit PHI bagi tahun 2020 hingga 2023 seperti di **LAMPIRAN A**, **LAMPIRAN B**, **LAMPIRAN C** dan **LAMPIRAN D** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.
- (b) Bermula September 2023, di bawah pentadbiran baharu, beberapa langkah penting telah dilaksanakan untuk memperkukuhkan tadbir urus dan tatakelola PHI. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Perlantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Baharu.

CEO baharu dilantik untuk memastikan pentadbiran yang lebih mapan dengan mematuhi peraturan dan prosedur, selari dengan keperluan Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(ii) Memperkasa Tatakelola.

Penekanan diberikan kepada prinsip integriti, akauntabiliti, dan ketelusan bagi memastikan keyakinan pihak berkepentingan terhadap pengurusan PHI.

(iii) Pengasingan Tugas.

Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif kini dipegang oleh individu yang berbeza. Langkah ini memastikan pembahagian tanggungjawab yang jelas, mengelakkan penumpuan kuasa, serta mengukuhkan pengawasan oleh Lembaga Pengarah.

(iv) Tindakan Tatatertib.

Semua pemegang jawatan utama, termasuk Pengerusi dan CEO, tertakluk kepada tindakan tatatertib untuk memastikan akauntabiliti yang tinggi.

Dengan langkah-langkah ini, PHI kini bergerak ke arah tadbir urus yang lebih cekap dan dipercayai.

PHI telah menjalankan pelbagai aktiviti seperti seminar dan program outreach untuk mendekati usahawan, pemilik kafe, restoran, penjaja kecil, dan peniaga pasar malam. Usaha ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan keyakinan tentang kepentingan pensijilan halal, terutamanya dalam pasaran global yang semakin menitikberatkan kawalan kualiti selepas pandemik Covid-19.

Pada tahun 2008, hanya terdapat 56 pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di Pulau Pinang. Kini, negeri ini berjaya menjadi yang ketiga tertinggi di Malaysia dari segi jumlah pemegang SPHM, walaupun merupakan negeri kedua terkecil.

PHI bersama Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP, terus mempromosikan pensijilan halal. Statistik menunjukkan peningkatan pemegang SPHM di Pulau

Pinang dari 1,327 pada 2020 kepada 1,805 pada Oktober 2024.

Terkini, PHI berjaya meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dengan jumlah pemegang sijil halal Bumiputera meningkat daripada 216 (11.3%) pada Januari 2024 kepada 697 (38.7%) pada Oktober 2024 seperti di **LAMPIRAN E** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (i) Antara program-program yang dianjurkan sepanjang 2020 sehingga kini:

Tahun 2020:

- 1) 5 Siri E-Commerce Made Easy @ Shopee (160 usahawan)
- 2) Halal Intensive Training Course (HITC) (25 usahawan)
- 3) Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia (120 usahawan)
- 4) International Inspirasi Khadijah Virtual (69 usahawan)

Tahun 2021:

- 1) Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia (89 usahawan)
- 2) Webinar : Accelerate Business Growth through Intellectual Property & Digital (20 usahawan)
- 3) Webinar: Mulakan Perniagaan E-Dagang Anda di Penang E-Mall @Shopee (50 usahawan)
- 4) Webinar : Braving Post-Pandemic Challenges (61 usahawan)
- 5) Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia (121 usahawan)

Tahun 2022:

- 1) Penganjuran Webinar : Sell to China Program (83 usahawan)
- 2) Penganjuran Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia (150 usahawan)
- 3) Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC) (151 usahawan)
- 4) Halal Business Training (40 usahawan)
- 5) Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia (437 usahawan)

6) Program Kesedaran Halal kepada Pengusaha Kantin dan Kafe USM

7) Sesi Soal Jawab Pensijilan Halal Malaysia (130 usahawan)

8) Penang International Halal Food & Heritage Festival (PIH2F) (48 usahawan)

Tahun 2023

1) Karnival Keusahawanan Pulau Pinang (100 usahawan)

2) PHI Global Halal Exporters Forum: GCC Series (50 usahawan)

3) Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC) (300 usahawan)

4) Program Kesedaran Halal (172 usahawan)

5) Program Eksekutif Halal (15 usahawan)

Tahun 2024

1) Boot Camp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 1.0 (130 usahawan)

- 2) Embarking on Halal Premium (45 peserta)
 - 3) Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang (50 usahawan)
 - 4) Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang (50 usahawan)
 - 5) Boot Camp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 1.0 (145 usahawan)
 - 6) Siri Jelajah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang (sedang berlangsung)
 - 7) Siri Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang (sedang berlangsung)
- (ii) Antara pameran perdagangan yang disertai sepanjang 2020 sehingga kini:

Tahun 2020:

- 1) International Halal Food & Hospitality Virtual Exhibition (IHFHEX) (6 syarikat)

Tahun 2021

1) MIHAS 2021 Virtual

2) Selangor International Business Summit 2021

Tahun 2022

1) Selangor International Halal Convention (7 syarikat)

2) Sabah International Women Entrepreneur Expo (SIWE)
(7 syarikat)

3) Geylang Serai Food Festival (5 syarikat)

4) MIHAS 2022 (6 syarikat)

5) Johor International Islamic & Halal Festival 2022 (2
syarikat)

6) Selangor International Business Summit 2022 (8
syarikat)

7) HCMC FOOD EX

8) Trade Expo Indonesia

9) Malaysia Food & Beverage Expo (15 syarikat)

10) 9th OIC Halal Expo (5 syarikat)

Tahun 2023

- 1) Selangor International Halal Convention (7 syarikat)
- 2) Thaifex, Anuga 2023
- 3) Medan Fair (6 syarikat)
- 4) "Minggu Usahawan Negara & Minggu PMKS Peringkat Kebangsaan" (1 syarikat)
- 5) "World Islamic Entrepreneur Summit (WIES)" (1 syarikat)
- 6) MIHAS 2023 (6 syarikat)

Tahun 2024

- 1) MIHAS 2024 (6 syarikat)
- 2) Selangor International Halal Convention (5 syarikat)

\